

SINAR HARIAN - 22 JUN 2016 (RABU)

Mahasiswa aktif dengan kerja amal

MAHASISWA UiTM, MSU, Upsi, UniSZA, UIAM dan UM merupakan siswa yang sering menjadi sukarelawan bagi Projek Ihsan, sebuah organisasi yang membantu masyarakat dalam konteks pendidikan.

Ketua Pemasaran Projek Ihsan, Siti Hajar Azmi, 24 berkata, sukarelawan ini, dilantik sebagai tenaga pengajar dalam program Tuisyen Sayang yang merupakan program utama bagi Projek Ihsan.

Tuisyen Sayang menyasarkan pelajar-pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan dan juga anak-anak yatim. Ia merupakan salah satu platform mendidik kemahiran insaniah di kalangan pelajar dan mempunyai pantauan yang efektif dari konteks keputusan semasa seseorang pelajar.

Menurutnya, penglibatan siswa sebagai tenaga pengajar wajar dipuji kerana bukan mudah seseorang penuntut itu membahagikan masa antara belajar dan sukarelawan.

"Apatah lagi pada bulan puasa ini. Dengan kekangan masa berdepan peperiksaan dan perlu mengajar, ia memang usaha murni," katanya dengan menambah, siswa turut terlibat sama dalam kelas tajwid pada setiap Sabtu sepanjang bulan puasa ini.